

11/07/2001

Pelepasan syarat jejas keyakinan pelabur

PERSATUAN Pelabur Malaysia (MIA) menyifatkan langkah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memberi pelepasan kepada syarikat yang melaksanakan penggabungan atau pengambilalihan daripada keperluan membuat tawaran awam mandatori (MGO) sebagai salah satu kelemahan yang menjejaskan keyakinan pelabur.

Persatuan itu berkata, ini kerana, dengan berbuat demikian, bursa itu seolah-olah menghalang pelabur minoriti daripada pilihan mendapatkan tawaran bayaran tunai.

"Tawaran tunai seharusnya diberikan untuk kepentingan pelabur minoriti bagi memastikan keadilan untuk semua pemegang saham syarikat," kata MIA dalam memorandum yang dibentangkan dalam sesi pertama Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, semalam.

Dialog itu dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam memorandumnya, MIA turut meminta supaya badan kawal selia mengawal dengan serius kegiatan pinjaman antara syarikat kerana kegiatan itu telah menyebabkan syarikat yang mempunyai tunai yang banyak menjadi sebuah syarikat miskin.

"Melalui kegiatan pinjaman antara syarikat, aset sesebuah syarikat dikikis seterusnya memberikan kesan negatif kepada nilai saham.

"Kegiatan yang tidak sihat itu telah menghapuskan keyakinan pelabur kerana ia menjejaskan asas korporat," tegas persatuan itu.

MIA dalam memorandumnya turut mendedahkan kegiatan tidak bermoral sesetengah syarikat senarai awam dengan melakukan pemindahan dana ke luar negara melalui "samaran" pelaburan luar negara.

Sehubungan dengan itu, ia meminta supaya kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan kelulusan kepada syarikat tempatan yang mahu melabur di luar negara.

(END)